

PENGANGKUMAN DAN PENGARUH MUSUL PENGAJARAN
KENDINI DITASAKAHAN WEB (INTIR SUBJEK ROLA
PAKAIAN JURUGAN FESTENG) DI POLITEKNIK

NORAZRINA BT. ABD SHUKOR

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN CNR

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00064719 2

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: **PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI BERASASKAN WEB UNTUK SUBJEK POLA PAKAIAN (JURUSAN FESYEN) DI POLITEKNIK**
SESI PENGAJIAN: 2002/2003

Saya NORAZRINA BT. ABD SHUKOR
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM / Sarjana / Doktor Falsafah)* ini di simpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

8A, JALAN DEWAN SULTAN SULAIMAN
KAMPUNG BARU 50300 KUALA LUMPUR

DR. Hjh. NORAINI KAPRAWI
Nama Penyelia

Tarikh: MAC 2003

Tarikh: MAC 2003

- CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.
** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini
memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Tandatangan :


Penyelia : Dr. Noraini binti Kaprawi

Tarikh : 21 Mac 2003

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI
BERASASKAN WEB UNTUK SUBJEK POLA PAKAIAN (JURUSAN FESYEN)
DI POLITEKNIK**

NORAZRINA BT. ABD SHUKOR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :
Nama Penulis : NORAZRINA BT. ABD SHUKOR
Tarikh : 21.03.03

Teristimewa Buat Mak Dan Ayah Yang Tercinta,

“Terima Kasih Di Atas Segalanya...

Tiada Harta Di Dunia Ini Yang Setanding Nilainya

Dengan Pengorbanan Yang Dilakukan”

Buat Adik-Adik Tercinta,

“Semoga Cepat Sembuh Serta Mendapat Perlindungan Dan Rahmat Dari Allah SWT”

Tidak Lupa Juga Buat Rakan-Rakan Seperjuangan....

Wawa, Kak Nora, Fazny, Ida, Busu Faizal, Zolina, Eda, Nor

Serta Rakan Seperjuangan....

“KEJAYAAN INTI ADALAH MILIK KITA BERSAMA...”

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kehadarat Illahi di atas limpahan rahmatnya yang berpanjangan mengizinkan saya menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Semoga dengan usaha saya yang tidak seberapa ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang berkenaan serta mampu memberikan maklumat yang berguna kepada sesiapa jua yang membacanya. Insyaallah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga khas buat pensyarah pembimbing yang dikasih, Dr. Hjh. Noraini Kaprawi di atas bimbingan, dorongan, kepercayaan serta komitmen yang diberikan sepanjang penghasilan Projek Sarjana ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada para responden yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Seterusnya, penghormatan yang tinggi juga diucapkan kepada keluarga tercinta, rakan-rakan seperjuangan yang dikasih serta sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas dorongan, teguran yang positif serta nasihat yang berguna agar kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya, alhamdulillah.

“ Sesungguhnya segala yang baik itu datangnya dari Allah SWT dan yang buruk itu datangnya dari kelemahan diri saya sendiri. Wassalam”.

ABSTRAK

Modul Pengajaran Kendiri merupakan satu media pengajaran berdasarkan teknologi yang mengandungi unit-unit aktiviti yang dibentuk untuk membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian berbentuk tinjauan dan penilaian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana keberkesanan Modul Pengajaran Kendiri Berasaskan Web untuk Pola Pakaian (MPKWPP) yang dibangunkan bagi membantu pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dari aspek tahap kebolehlaksanaan, mesra pengguna, interaktiviti, peningkatan pengetahuan, kemahiran dan juga pembentukan sikap positif pelajar fesyen dalam melakar Pola Pakaian. Responden bagi kajian ini terdiri daripada 12 orang pensyarah yang mengajar subjek Pola Pakaian di Politeknik Johor Bahru (PJB) dan juga 50 orang pelajar (Semester 2 dan Semester 3) Diploma Seni Reka Fesyen dan Membuat Pakaian di PJB. Pengumpulan data juga meliputi sesi temubual dengan dua orang responden iaitu seorang pensyarah multimedia daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan seorang pensyarah berpengalaman dalam mengajar subjek Pola Pakaian di PJB. Melalui penggunaan instrumen soal selidik dan sesi temubual, pengumpulan data atau penilaian kajian adalah berdasarkan kepada persepsi pensyarah dan pelajar terhadap keberkesanan MPKWPP yang dibangunkan. Segala data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan ‘*Statistical Packages for Social Sciences*’ (SPSS) Versi 11.0 yang melibatkan skor min dan ujian t (*independent t test*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kebolehlaksanaan, mesra pengguna, interaktiviti, peningkatan pengetahuan, kemahiran dan juga pembentukan sikap positif pelajar fesyen dalam melakar Pola Pakaian berada pada tahap yang tinggi. Selain daripada itu, dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Semester 2 dan Semester 3 terhadap keberkesanan MPKWPP dalam membantu pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

ABSTRACT

Web Based Self Learning Module is a technology base teaching media which contain an activity unit to enhance teaching and learning process. This survey study attempted to see and evaluate the effectiveness of the Web Based Self Learning Module for Pattern Making (MPKWPP) that is developed by the researcher in the aspect of its viability, interactivity as well as user friendliness characteristics and also to see its ability in enhancing the knowledge, skill and positive attitude development of fashion students in Pattern Making towards the process of effective teaching and learning.

Respondents for this study consist of 12 lectures of Pattern Making in Polytechnic Johor Bahru (PJB) and 50 (Semester 2 and Semester 3) Diploma students of Fashion Design and Clothing in PJB. The data was also collected from an interview session with one of the multimedia lecturer from University Technology Malaysia (UTM) and also with one of the senior Pattern Making lecture in PJB. By using the questionnaires and interview as an instruments, the data collection were based on the perception of respondents towards the effectiveness of MPKWPP. The data that have been collected were than analyzed by using ‘Statistical Packages for Social Sciences’ (SPSS) version 11.0 which represented by mean scores and t test function. The finding in this research shows that the level of MPKWPP adaptability, interactivity and user friendliness characteristics, knowledge, skill and positive attitude development of fashion students in Pattern Making were at the high level. The hypothesis testing indicated that there were no statistical significant differences between the perceptions of diploma fashion students in Semester 2 and Semester 3 towards the effectiveness of the MPKWPP in the aspect of effective teaching and learning.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
------------	----------------	-------------------

HALAMAN JUDUL	i
HALAMAN PENGAKUAN	ii
HALAMAN DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB I	PENGENALAN	
--------------	-------------------	--

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Matlamat Kajian	7
1.5 Soalan Kajian	7
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Objektif Kajian	8
1.8 Kerangka Teori	10
1.9 Skop Kajian	11

1.10	Kepentingan Kajian	11
1.11	Batasan Kajian	12
1.12	Definisi Konseptual dan Pengoperasian	13
1.12.1	Pembangunan	13
1.12.2	Modul Pengajaran Kendiri (MPK)	13
1.12.3	Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Web	14
1.12.4	Pola Pakaian	14
1.12.5	Kebolehlaksanaan	15
1.12.6	Mesra Pengguna	15
1.12.7	Interaktiviti	16
1.13	Rumusan	16

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Efektif	17
2.3	Bahan Pembelajaran Kendiri	18
2.4	Pengajaran Individu	19
2.4.1	Konsep Pengajaran Individu	19
2.4.2	Gaya Pembelajaran Individu	20
2.4.3	Modul Pengajaran Kendiri (MPK)	21
2.4.4	Ciri-Ciri Modul Pengajaran Kendiri	22
2.5	Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK)	23
2.5.1	Model <i>Hyperteks</i> dan <i>Hypermedia</i>	24
2.5.2	Model Simulasi dan Demonstrasi	25
2.5.3	Model Tutorial	26
2.5.4	Interaktiviti	27
2.6	Pembelajaran Melalui Laman Web	27
2.6.1	Ciri-ciri di Persekutaran Pembelajaran Berasaskan Web	28

2.6.2	Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	29
2.6.3	Modul Berasaskan Web	29
	2.6.3.1 Ciri-ciri Modul Berasaskan Web	30
2.7	Ciri-ciri Modul Pengajaran Kendiri Berasaskan Web (MPKWPP).	31
2.8	Sorotan Kajian Lepas	32
2.9	Rumusan	36

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Instrumen Kajian	38
	3.3.1 Temubual	38
	3.3.2 Soal Selidik	39
3.4	Kajian Rintis	41
	3.4.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan	41
3.5	Kaedah Pungutan Data	42
3.6	Populasi dan Persampelan	43
3.7	Kaedah Penganalisaan Data	44
3.8	Kronologi Kajian	46
3.9	Rumusan	47

BAB IV REKA BENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

4.1	Pengenalan	48
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	48
4.3	Reka Bentuk Modul Pengajaran Kendiri MPKWPP	49
	4.3.1 Reka Bentuk Pembangunan Antaramuka	

	MPKWPP	51
4.3.2	Bentuk dan Ciri-ciri MPKWPP	53
4.3.3	Komponen Pembelajaran Dalam MPKWPP	53
4.3.3.1	Pengetahuan Awalan	53
4.3.3.2	Proses Pembelajaran	54
4.3.3.3	Proses Penilaian	54
4.3.4	Spesifikasi Keperluan Peralatan	55
4.3.5	Keperluan Perisian	55
4.3.5.1	<i>Macromedia Dreamweaver</i>	
	<i>Ultradew</i>	55
4.3.5.2	<i>Adobe Photoshop</i>	56
4.3.5.3	<i>Macromedia Flash 5</i>	56
4.3.5.4	<i>ACDSee 4.00</i>	57
4.4	Kronologi Pembinaan Produk (Perancangan Kandungan Modul Pembelajaran)	57
4.4.1	Spesifikasi Pembelajaran	58
4.4.2	Perancangan Pembelajaran	58
4.5	Permasalahan dalam Membina Produk	59
4.6	Penilaian Produk	59
4.6.1	Pemilihan Dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	60
4.6.2	Pemilihan Subjek/Sampel Kajian Yang Akan Menilai Produk	60
4.6.3	Fokus Penilaian	60
4.7	Cadangan Pembaikan MPKWPP	61
4.8	Rumusan	61

BAB V**ANALISIS DATA**

5.1	Pengenalan	62
5.2	Latar Belakang Responden	63
5.2.1	Tabuaran Responden Berdasarkan Aspek Jantina	63

5.2.2	Taburan Responden Berdasarkan Umur	64
5.2.3	Taburan Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Tertinggi	65
5.2.4	Taburan Responden Pensyarah Berdasarkan Pengalaman Mengajar Rekaan Fesyen	65
5.2.5	Taburan Responden Pensyarah Berdasarkan Kemahiran Menggunakan Komputer	66
5.2.6	Taburan Responden Pensyarah Berdasarkan Kepada Indikator-Indikator	66
5.2.7	Taburan Responden Pelajar Berdasarkan Kepada Beberapa Indikator	68
5.2.8	Latar Belakang Responden Temubual	69
5.3	Prosedur Menganalisis Data	70
5.4	Dapatan Kajian	71
5.4.1	Persoalan Kajian 1	72
5.4.2	Persoalan kajian 2	77
5.4.3	Persoalan kajian 3	79
5.4.4	Persoalan Kajian 4	80
5.4.5	Persoalan Kajian 5	82
5.5	Ulasan dan Komen	83
5.6	Temubual	87
5.7	Rumusan	88

**BAB VI PERBINCANGAN, CADANGAN
DAN RUMUSAN**

6.1	Pengenalan	89
6.2	Perbincangan dan Kesimpulan	89
6.2.1	Latar Belakang Responden	90

6.2.2 Tahap Kebolehlaksanaan Mesra Pengguna dan Interaktiviti MPKWPP Dari Persepsi Pensyarah dan Pelajar	91
6.2.3 Tahap Peningkatan Kemahiran Pelajar Melalui Kaedah Simulasi	94
6.2.4 Tahap Peningkatan Pengetahuan Pelajar Melalui MPKWPP Berdasarkan Persepsi Responden	96
6.2.5 Tahap Pembentukan Sikap Positif Pelajar Melalui MPKWPP Berdasarkan Persepsi Responden	97
6.2.6 Perbezaan Antara Persepsi Pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Semester Dua dan Semester Tiga Terhadap MPKWPP	98
6.3 Cadangan	99
6.3.1 Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	100
6.4 Rumusan	101
BIBLIOGRAFI	105
LAMPIRAN A –I	111

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1:	Skala <i>Likert</i>	39
3.2:	Kebolehpercayaan Keberkesanan MPKWPP Dari Persepsi Pensyarah	42
3.3:	Kebolehpercayaan Keberkesanan MPKWPP Dari Persepsi Pelajar	42
3.4:	Kaedah Penganalisaan Data Berdasarkan Kepada Persoalan Kajian	45
3.5:	Kronologi Kajian	46
4.1	Jadual Spesifikasi Keperluan	55
4.3	Proses Permulaan Pembangunan MPKWPP	58
5.1	Taburan Responden Berdasarkan Aspek Jantina	64
5.2	Taburan Responden Berdasarkan Umur	64
5.3	Taburan Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Tertinggi	65
5.4	Taburan Responden Pensyarah Berdasarkan Pengalaman Mengajar Rekaan Fesyen	65
5.5	Taburan Responden Pensyarah Berdasarkan Kemahiran Menggunakan Komputer	66
5.6:	Taburan Responden Pensyarah Berdasarkan Kepada Beberapa Indikator	67
5.7:	Taburan Responden Pelajar Berdasarkan Kepada	

	Beberapa Indikator	68
5.8	Latar Belakang Pensyarah (temubual)	69
5.9	Tahap Kecenderungan Berdasarkan Skor Min	71
5.10	Skor Min Bagi Tahap Kebolehlaksanaan MPKWPP Dari Persepsi Pensyarah	72
5.11	Skor Min Bagi Tahap Kebolehlaksanaan MPKWPP Dari Persepsi Pelajar	73
5.12	Skor Min Bagi Tahap Mesra Pengguna MPKWPP Dari Persepsi Pensyarah	73
5.13	Skor Min Bagi Tahap Mesra Pengguna MPKWPP Dari Persepsi Pelajar	74
5.14	Skor Min Bagi Tahap Interaktiviti MPKWPP Dari Persepsi Pensyarah	75
5.15	Skor Min Bagi Tahap Interaktiviti MPKWPP Dari Persepsi Pelajar	75
5.16	Skor Min Bagi Tahap Kebolehlaksanaan, Mesra Pengguna dan Interaktiviti MPKWPP Dari Persepsi Responden	76
5.17	Skor Min Bagi Kaedah Simulasi Dalam MPKWPP Bagi Meningkatkan Kemahiran Pelajar Fesyen Dari Persepsi Pensyarah	77
5.18	Skor Min Bagi Kaedah Simulasi Dalam MPKWPP Bagi Meningkatkan Kemahiran Pelajar Fesyen Dari Persepsi Pelajar	78
5.19	Skor Min Bagi Keberkesanan MPKWPP Bagi Meningkatkan Pengetahuan Pelajar Fesyen Dari Persepsi Pensyarah	79
5.20	Skor Min Bagi Keberkesanan MPKWPP Bagi Meningkatkan Pengetahuan Pelajar Fesyen Dari Persepsi Pelajar	80
5.21	Skor Min Dan tahap Kecenderungan Keberkesanan MPKWPP Bagi Membentuk Sikap Positif Pelajar Fesyen Dari Persepsi Pensyarah	81
5.22	Skor Min Bagi Keberkesanan MPKWPP Bagi Membentuk Sikap Positif Pelajar Fesyen Dari Persepsi Pelajar	81

5.23	Perbezaan Antara Persepsi Pelajar Fesyen Semester 2 Dan Semester 3 Terhadap Keberkesanan MPKWPP	82
5.24	Maklum Balas Daripada Persepsi Responden (Pensyarah Dan Pelajar) terhadap Tahap Kebolehlaksanaan MPKWPP	83
5.25	Maklum Balas Daripada Persepsi Responden (Pensyarah Dan Pelajar) terhadap Tahap Mesra Pengguna MPKWPP	84
5.26	Maklum Balas Daripada Persepsi Responden (Pensyarah Dan Pelajar) terhadap Tahap Interaktiviti MPKWPP	84
5.27	Maklum Balas Dari Persepsi Responden terhadap Penggunaan Kaedah Simulasi Dalam MPKWPP Bagi Meningkatkan Kemahiran Pelajar	85
5.28	Maklum Balas Dari Persepsi Responden Terhadap Keberkesanan MPKWPP Dalam Mempertingkatkan Pengetahuan Pelajar Fesyen	85
5.29	Maklum Balas Dari Persepsi Responden terhadap Keberkesanan MPKWPP Dalam Membentuk Sikap Positif Pelajar Fesyen	86
5.30	Maklum Balas Dari Persepsi Responden terhadap Perubahan Atau Penambahan Yang Dicadangkan Bagi Meningkatkan Kualiti MPKWPP Yang Dibangunkan	86

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	10
4.1	Aliran Kerja Berdasarkan Model Robert Glasea	50
4.2	Carta Alir Proses P&P Dalam MPKWPP	52

SENARAI SINGKATAN

MPKW	:	Modul Pengajaran Kendiri Berasaskan Web
MPKWPP	:	Modul Pengajaran Kendiri Berasaskan Web Untuk Pola Pakaian
PTV	:	Pendidikan Teknik dan Vokasional
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
UTM	:	Universiti Teknologi Malaysia
KUiTTHO	:	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
P&P	:	Pengajaran dan Pembelajaran
ABBM	:	Alat Bahan Bantu Mengajar
PBK	:	Pembelajaran Berbantukan Komputer
MPK	:	Modul Pengajaran Kendiri
PBK	:	Pembelajaran Berbantukan Komputer
IT	:	<i>Information Technology</i>
ICT	:	<i>Information Communication Technology</i>
SPSS	:	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
CPU	:	<i>Central Processing Unit</i>
OS	:	<i>Operating System</i>
IR1Q1	:	<i>Interview Respondent 1 Question 1</i>
IR1Q2	:	<i>Interview Respondent 1 Question 2</i>
IR1Q3	:	<i>Interview Respondent 1 Question 3</i>
IR1Q4	:	<i>Interview Respondent 1 Question 4</i>
IR1Q5	:	<i>Interview Respondent 1 Question 5</i>
IR1Q6	:	<i>Interview Respondent 1 Question 6</i>
IR2Q1	:	<i>Interview Respondent 2 Question 1</i>
IR2Q2	:	<i>Interview Respondent 2 Question 2</i>
IR2Q3	:	<i>Interview Respondent 2 Question 3</i>
IR2Q4	:	<i>Interview Respondent 2 Question 4</i>
IR2Q5	:	<i>Interview Respondent 2 Question 5</i>
IR2Q6	:	<i>Interview Respondent 2 Question 6</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
LAMPIRAN A (A-1, A-2)	: Borang Soal Selidik.	111
LAMPIRAN B (B-1, B-2)	: Kebolehpercayaan Kajian Rintis.	129
LAMPIRAN C	: Hasil Temubual	141
LAMPIRAN D	: Silabus Subjek Pola Pakaian-H1012	146
LAMPIRAN E (E-1, E-2)	: Skor Min Latar Belakang Responden	150
LAMPIRAN F (F-1, F-2, F-3):	Skor Min Berdasarkan Persoalan Kajian	154
LAMPIRAN G	: Analisis Data (t test)	167
LAMPIRAN H	: Contoh Paparan MPKWPP	168
LAMPIRAN I	: Peta Tetingkap Tapak MPKWPP	174

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Revolusi pada abad ke-21 telah menyaksikan era globalisasi sebagai satu kuasa cabaran yang akan menjadi penentu kepada segala aktiviti utama di dunia. Dapat dikatakan bahawa senario dunia kini sedang mengalami pengstrukturkan semula yang pesat. Menurut Berry (2000) dalam Wan Zah dan Haslinda (2000), sumber yang dapat memastikan kelebihan daya saing dan kemajuan negara di zaman ini adalah pengetahuan dan pengetahuan itu pula mestilah sentiasa ada dan berterusan. Ini bermakna, pelajar dan tenaga kerja kini tidak boleh berpuas hati dengan pengetahuan dan kemahiran yang mereka perolehi sewaktu belajar di sekolah kerana pengetahuan itu tidak lagi memadai untuk menghadapi persaingan di pasaran kerja. Bahkan mereka dikehendaki pada setiap masa, melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dengan perkembangan teknologi dan ekonomi. Isahak (1992) dalam Aede Hatib, (1999) menegaskan bahawa tenaga manusia yang diperlukan di dalam masyarakat industri dan seterusnya dalam era k-ekonomi ini tentulah tenaga manusia yang berilmu pengetahuan tinggi, cekap dan profesional, berfikiran terbuka untuk menerima dan mengkaji maklumat dan ilmu serta dapat membuat penyesuaian dengan cepat dalam apa jua situasi.

Di dalam masa yang sama, ekonomi global dan pasaran yang kompetitif, transformasi pekerjaan dan perkembangan teknologi telah mempengaruhi kerjaya serta kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional. Sebagai tambahan, perubahan terhadap pengkajian sifat pelajar-pelajar dan perkembangan ilmu pengetahuan mengenai bagaimana manusia belajar dan apakah faktor-faktor yang membuatkan

sesuatu pengajaran itu berkesan. Ini telah menyebabkan para pendidik khasnya dalam bidang Teknik dan Vokasional untuk mengkaji semula prinsip-prinsip serta kaedah-kaedah asas dalam sektor kerjaya dan juga unsur-unsur keberkesanannya pendidikan teknik dan vokasional.

Perkembangan yang pesat dalam ‘Teknologi Komunikasi Maklumat’ (ICT) merupakan satu faktor yang utama bagi melahirkan sumber manusia yang berpengetahuan. Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi maklumat (ICT) adalah satu keperluan yang amat penting khasnya dalam bidang pendidikan. Justeru itu, adalah wajar ia diaplikasikan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara meluas mengikut perkembangannya dari masa ke semasa. Dunia maklumat adalah sinonim dengan penggunaan internet dan web yang merupakan komponen utama dalam ICT.

Kearsley (1996) “*For many years, visionaries and futuristic have been telling us that one day we would have quick and easy online access to all as the world's infomation. Well, the future has arrived; (it's) called the World Wide Web (WWW) and its growth in the past few years has been phenomenal. Already the Web is showing us how global networks will transform education*” (Rohaida & Kamariah 2000).

Menurut Datuk Seri Mathathir Mohamad dalam usul mengenai Rancangan Malaysia Kelapan (Dewan Rakyat, 23 April 2001);

“...Infrastruktur asas ICT telahpun disediakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh...” “... Infrastruktur ICT juga akan diperluaskan ke kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang digital. Antara program yang akan dilaksanakan termasuklah Infodesa dan Internet Desa yang menawarkan kursus kesedaran dan latihan.” (Koran Jaya Kumar C. dipetik pada 18 Jun 2002)

Justeru itu, dapat dikatakan melalui perkembangan ini, satu anjakan paradigma terhadap pembangunan dan perkembangan kurikulum pembelajaran dan pengajaran berasaskan web dapat dilaksanakan.